

D.R. 5/95

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1995. Tajuk ringkas.
2. Akta Cukai Perkhidmatan 1975, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam subseksyen 12(1)- Pindaan seksyen 12. Akta 151.
 - (a) dengan memasukkan selepas perkataan "amaun kesemua jumlah hasil-hasil yang diterima" perkataan "dalam tempoh yang kena dibayar cukai itu"; dan
 - (b) dengan memotong perkataan "dalam tempoh itu" selepas perkataan "caj-caj bagi membekalkan barang yang dikenakan cukai".

Pindaan
seksyen 14.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 14 dengan seksyen yang berikut:

Bila cukai
menjadi
genap
masanya
dan kena
dibayar.

14. (1) Cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan di bawah Akta ini hendaklah genap masanya dibayar pada masa pembayaran diterima bagi—

- (a) perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan; atau
- (b) barang yang kena dibayar cukai yang dijual atau dibekalkan,

kepada pelanggan atau pembeli oleh orang yang kena membayar cukai.

(2) Jika keseluruhan atau mana-mana bahagian pembayaran bagi mana-mana perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan atau barang yang kena dibayar cukai yang dijual atau dibekalkan tidak diterima dalam tempoh enam bulan kalendar dari tarikh pengeluaran invois bagi perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan itu atau barang yang kena dibayar cukai yang dijual atau dibekalkan itu, cukai perkhidmatan hendaklah genap masanya pada hari yang berikutnya selepas tempoh enam bulan itu.

(3) Mana-mana cukai yang genap masanya dibayar di bawah subseksyen (1) atau (2) dalam sesuatu tempoh yang kena dibayar cukai hendaklah kena dibayar kepada Ketua Pengarah dalam tempoh dua puluh lapan hari dari tarikh tamat tempoh yang kena dibayar cukai itu."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 12 Akta untuk menjelaskan bahawa penyata dalam bentuk yang ditetapkan hendaklah menyatakan amaun kesemua jumlah hasil-hasil yang diterima oleh seseorang yang kena membayar cukai dalam sesuatu tempoh yang kena dibayar cukai yang tertentu dan bukannya jumlah caj yang dilevikan oleh orang yang kena membayar cukai dalam tempoh yang kena dibayar cukai yang tertentu itu.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 14 Akta untuk memperuntukkan bahawa cukai perkhidmatan hendaklah hanya menjadi genap masanya apabila pembayaran bagi perkhidmatan atau barang diterima. Walau bagaimanapun jika pembayaran bagi perkhidmatan atau barang tidak diterima dalam tempoh enam bulan dari tarikh pengeluaran invois bagi perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan itu atau barang yang kena dibayar cukai yang dijual atau dibekalkan itu, maka cukai perkhidmatan hendaklah genap masanya pada hari yang berikutnya selepas tempoh enam bulan itu. Apa-apa cukai yang genap masanya hendaklah kena dibayar kepada Ketua Pengarah dalam masa dua puluh lapan hari yang berikutnya selepas tamat tempoh yang kena dibayar cukai itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1805.]